

TINGKATAN 3		
BAB 1: PENDUDUKAN JEPUN DI NEGARA KITA		
	1.1 Pemerintahan tentera Jepun	
1	Apakah tujuan penting Jepun menguasai Tanah Melayu? Ms4	
	A	Menyebarkan kebudayaan Jepun
	B	Membantu Tanah Melayu mencapai kemerdekaan
	C	Memajukan ekonomi Tanah Melayu
	D	Mendapatkan bahan mentah untuk industri
2.	Kuasa manakah yang sangat bimbang dengan perkembangan rancangan Jepun di Asia Tenggara? Ms5	
	A	Rusia
	B	China
	C	Britain
	D	Amerika
3.	<div> <ul style="list-style-type: none"> Asia untuk Orang Asia Semangat Asia </div>	
	Apakah tujuan Jepun menggunakan slogan di atas? Ms5	
	A	Untuk mempengaruhi penduduk tempatan
	B	Untuk menjalankan dasar penjepunan
	C	Untuk melaksanakan dasar pemodenan
	D	Untuk membangkitkan semangat nasionalisme
4	Antara yang berikut, yang manakah merupakan masalah yang dihadapi oleh Jepun? Ms4	
	i	Keperluan bahan mentah
	ii	Kekurangan tanah pertanian
	iii	Kebangkitan golongan tentera
	iv	Keperluan kawasan pasaran baru
	A	i, ii dan iii
	B	i, ii dan iv
	C	i, iii dan iv
	D	ii, iii dan iv
5	Taktik Bumi Hangus yang dilaksanakan British di Sarawak bertujuan untuk memusnahkan Ms10	
	A	pelabuhan
	B	pengangkutan
	C	telaga minyak

	D	kemudahan awam	
6	Pentadbiran Jepun di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak merupakan pemerintahan... Ms15		
	A	tentera	
	B	Republik	
	C	sosialis	
	D	Demokratik	
7	Jepun ingin menghapuskan semua pengaruh barat di Asia dan digantikan dengan semangat persaudaraan sejagat. Bagaimanakah Jepun ingin mencapai hasrat tersebut? ms20		
	A	Melalui peperangan	
	B	Melalui pentadbiran	
	C	Melalui pengintipan	
	D	Melalui ‘dasar penjepunan’	
8	Antara berikut yang manakah merupakan langkah-langkah dasar penjepunan Jepun? ms20		
	I	Penggunaan bahasa Cina	
	II	Paksaaan menyanyikan lagu Kimigayo	
	III	Pengumuman cuti perayaan Negara Jepun	
	IV	Penggunaan Nippon-Go sebagai bahasa pengantar di semua sekolah	
	A	i, ii dan iii	
	B	i, ii dan iv	
	C	i, iii dan iv	
	D	ii, iii dan iv	
9		<div><ul style="list-style-type: none">• Albert Kwok• Yeop Mahidin</div>	
	Persamaan antara tokoh di atas ialah Ms20		
	A	Membantu kemaraan Jepun di Tanah Melayu	
	B	Menentang pendudukan Jepun di Tanah Melayu	
	C	Bekerjasama dengan pentadbiran Jepun	
	D	Mencadangkan penubuhan KRIS	
10	Apakah perjuangan Kesatuan Melayu semasa pendudukan Jepun? m/s 22		
	A	Bergerak bawah tanah menentang British	
	B	Berundur ke hutan melancarkan perang gerila	
	C	Bekerjasama dengan Jepun menentang British	
	D	Bertindak ganas terhadap orang Cina dalam MPAJA	

11		Mengapakah Jepun membenci orang Cina di Tanah Melayu? m/s 23
	A	Orang Cina tidak pandai menggunakan senjata untuk berperang
	B	Orang Cina tidak mahu memberi kerjasama kepada Jepun
	C	Orang Cina tidak memberi sumbangan ekonomi untuk membantu tentera Jepun
	D	Orang Cina tempatan memberi bantuan kepada rakyat negeri China untuk menentang Jepun.
12		<div style="border: 1px solid black; padding: 10px; text-align: center;"> <p>1930-an dan 1940-an</p> <ul style="list-style-type: none"> Perang China – Jepun <p>↑</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; display: inline-block;">X</div> <p>↓</p> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; text-align: center;"> <p>1941</p> <p>Jepun Menyerang Pearl Harbour</p> </div> </div>
		Berdasarkan rajah di atas, peristiwa X mungkin sekali m/s 4
	A	Jepun menyertai pakatan Axis
	B	Jepun memenangi Perang Rusia- Jepun.
	C	Jepun menghadapi sekatan ekonomi
	D	Jepun menjalin hubungan dengan Thailand
13		<div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <p>Kawasan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya</p> </div>
		Bagaimanakah Jepun memastikan rancangannya di atas dapat dilaksanakan dengan berkesan m/s 5
	A	Melaksanakan dasar ekonomi bebas
	B	Memberikan pendidikan percuma
	C	Menghapuskan semua pengaruh barat
	D	Melibatkan pemimpin tempatan dalam pentadbiran
14		<div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <ul style="list-style-type: none"> Force 136 </div>
		Apakah persamaan yang boleh dikaitkan dengan gerakan di atas? m/s 25
	A	Menentang pendudukan Jepun
	B	Dipimpin oleh pihak British
	C	Mendapat bantuan kuasa asing

	D	Hanya bergiat di negeri Sabah
15		<div style="display: flex; align-items: center;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; flex: 1;"> <p>Faktor-faktor Kemenangan Jepun di Tanah Melayu</p> </div> <div style="margin-left: 20px;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;">Strategi</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;">X</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;">Perancangan rapi</div> </div> </div>
16		Rajah di atas menerangkan faktor yang menyumbangkan kepada kemenangan Jepun di Tanah Melayu Faktor X ialah m/s 13
	A	taktik serangan hendap
	B	semangat perjuangan tentera Jepun
	C	bilangan tentera Jepun yang sangat ramai
	D	kerjasama semua penduduk di Tanah Melayu
17		<div style="border: 1px solid black; padding: 10px;"> <ul style="list-style-type: none"> 8 Disember 1941 – Pantai Sabak Kota Bharu </div>
		Berdasarkan pernyataan di atas mengapakah Jepun berjaya menakluk seluruh Tanah Melayu dalam masa yang singkat? m/s 13
	I	Jepun tidak ditentang oleh kuasa besar lain
	II	Jepun memiliki kelengkapan perang yang canggih
	III	British lebih menumpukan pertahanan di Singapura
	IV	British tidak mempunyai tentera yang terlatih dalam perang gerila
	A	I dan II
	B	II dan III
	C	III dan IV
	D	I dan IV
18		<div style="display: flex; align-items: center;"> <div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin-right: 20px;">Nippon-go</div> <div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;">Bahasa rasmi</div> <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; text-align: center;">Bahasa Penghantar di sekolah</div> </div> </div>
		Berdasarkan rajah di atas mengapakah pihak Jepun mengambil langkah tersebut? m/s 18
	I	Jepun tidak ditentang oleh kuasa besar lain
	II	Jepun memiliki kelengkapan perang yang canggih
	III	British lebih menumpukan pertahanan di Singapura
	IV	British tidak mempunyai tentera yang terlatih

			dalam perang gerila								
	A		I dan II								
	B		II dan III								
	C		III dan IV								
	D		I dan IV								
		<div><div>Kesatuan Melayu Muda</div><div><div>Berpura-pura baik dan bekerjasama dengan Jepun</div><div>Pertubuhan bercorak nasionalisme</div></div></div>									
19			Antara yang berikut, yang manakah berkaitan dengan kegiatan KMM? m/s 22-25								
	A		Menubuhkan organisasi bawah tanah untuk menentang Jepun								
	B		Memberi bantuan ketenteraan terhadap British								
	C		Menyokong pergerakan komunis meluaskan pengaruhnya								
	D		Menghasut penduduk tempatan untuk membenci pihak Jepun dan British								
20		<table><tr><td>Kaum</td><td>Layanan</td></tr><tr><td>Melayu</td><td>Baik</td></tr><tr><td>Cina</td><td>Kasar</td></tr><tr><td>India</td><td>Baik</td></tr></table>	Kaum	Layanan	Melayu	Baik	Cina	Kasar	India	Baik	
Kaum	Layanan										
Melayu	Baik										
Cina	Kasar										
India	Baik										
			Maklumat di atas menunjukkan layanan Jepun terhadap penduduk di Tanah Melayu. Mengapakah Jepun bersikap demikian? m/s 22-25								
	I		Mendapat sokongan orang Melayu								
	II		Dipengaruhi oleh Perang China- Jepun								
	III		Orang Melayu tidak menentang kedatangan Jepun								
	IV		Takut kepada kekuatan orang Melayu								
	A		I dan II								
	B		II dan III								
	C		III dan IV								
	D		I dan IV								
21			Jepun telah menyerahkan negeri-negeri di atas kepada Siam. Mengapa Jepun berbuat demikian? m/s 16								
	A		Untuk membalas jasa Siam								
	B		Untuk melicinkan pentadbiran Jepun								
	C		Untuk memajukan ekonomi negeri-negeri utara								
	D		Untuk menumpukan lebih perhatian kepada negeri-negeri lain								

22			Negara manakah yang diambil oleh Jepun sebagai model untuk maju? m/s 3
	A		Negera-negara komunis
	B		Negera-negara Timur Tengah
	C		Negera-negara Amerika Latin
	D		Negera-negara Barat
23			Antara pernyataan berikut, yang manakah merupakan tujuan utama Jepun menguasai Tanah Melayu? m/s 4
	A		Mencari tempat tinggal baru bagi penduduk Jepun.
	B		Mendapat bahan mentah bagi perusahaan Jepun.
	C		Menyuburkan kebudayaan Jepun di Tanah Melayu.
	D		Mencari pasaran baru bagi hasil kilangnya.
24			<i>Jepun terpaksa berundur dari Tanah Melayu pada bulan Ogos 1945. Mengapakah pengunduran itu berlaku? m/s 27\</i>
	A		<i>Kerana sekatan ekonomi yang dikenakan oleh Amerika.</i>
	B		<i>Kerana pemberontakan orang Melayu</i>
	C		<i>Kerana pengeboman Hiroshima dan Nagasaki</i>
	D		<i>Kerana serangan MPAJA</i>
25			<i>Serangan Jepun ke Borneo Utara bermula di Miri kerana m/s 8</i>
	A		kedudukannya
	B		pusat pertahanan British
	C		markas tentera yang terbesar
	D		mempunyai bekalan minyak yang penting
26			Soalan 26 berdasarkan senarai di bawah
			<div style="border: 2px solid black; padding: 10px; margin: 10px;"> <ul style="list-style-type: none"> Asia Untuk Asia Lingkungan Kesemakmuran Bersama </div>
			Berdasarkan kedua-dua slogan di atas, mengapakah Jepun menggunakannya? m/s 5
	A		Menjadikan Asia berada di bawah pemerintahan orang Asia
	B		Menjadikan Asia kawasan yang maju dan terkenal di dunia
	C		Mendapatkan bahan mentah dan mengalahkan Barat
	D		Mendapatkan sokongan penduduk Asia mengusir kuasa Barat

27	Soalan 27 berdasarkan peta di bawah	
		
	Berdasarkan peta di atas, apakah 4faktor yang menyebabkan Jepun berjaya menduduki Tanah Melayu dalai tempoh yang singkat? m/s 13	
	A	Semangat juang yang tinggi di kalangan tentera Jepun
	B	Semangat bekerjasama di kalangan penduduk tempatan
	C	Strategi pertahanan British yang tidak terancang
	D	Strategi peperangan British yang mantap dan tersusun
28	Soalan 28 berdasarkan pernyataan di bawah	
	Peristiwa tersebut merupakan pengalaman yang patut dan dahsyat yang pernah dialami oleh Angkatan Tentera Laut British di Tanah Melayu	
	Pernyataan di atas telah disuarakan oleh Sir Winston Churchill. Apakah peristiwa yang dimaksudkan? m/s 7	
	A	Pengeboman Jepun ke atas Kota Bahru dan Terengganu
	B	Pengeboman Jepun ke atas pangkalan laut British di Pulau Pinang
	C	Pengeboman Jepun ke atas kapal perang Repulse dan Prince of Wales
	D	Pengeboman Jepun ke atas pangkalan laut British di Singapura
29	Mengapakah Jepun mengiktiraf institusi beraja semasa pendudukan mereka di Tanah Melayu? m/s 17 -18	
	A	Kedudukan Sultan setaraf dengan Maharaja Jepun
	B	Sultan membantu Jepun menewaskan British.
	C	Inggeris menghormati cara hidup orang Melayu
	D	Jepun ingin mendapat sokongan orang Melayu.

30	British telah mengamalkan “Penentangan Secara Bumi Hangus” semasa kemaraan Jepun. Apakah cara yang dilakukan oleh British ini m/s 10	
	A	Mengebom kawasan yang diisytiharkan kawasan putih
	B	Memusnahkan kawasan yang menjadi sumber ekonomi
	C	Membakar segala kubu pertahanan Jepun yang dikenalpasti
	D	Membakar segala kemudahan yang terdapat di Tanah Melayu
31	Soalan 31 berdasarkan senarai di bawah	
	Berdasarkan senarai di atas, apakah 4irri-ciri persamaan yang terdapat pada pertubuhan di atas? m/s 25	
	I	Pasukan penentang Jepun
	II	Bergerak secara sulit
	III	Bekerjasama dengan Jepun
	IV	Menerima latihan ketenteraan daripada British
	A	I dan II
	B	II dan III
	C	III dan IV
	D	I dan IV
32	Antara berikut, yang manakah pentadbiran di Borneo Utara semasa pemerintahan Jepun m/s 16	
	I	Ketua Tempatan
	II	Pegawai Daerah
	III	Gabenor
	IV	Ketua Wilayah
	A	I dan II
	B	II dan III
	C	III dan IV
	D	I dan IV
33	<ul style="list-style-type: none"> Kekurangan kawasan pertanian 	
	Maklumat di atas merujuk kepada masalah yang dihadapi Jepun untuk membangunkan negaranya. Bagaimanakah Jepun mengatasi masalah di atas? m/s 4	
	A	Meminta bantuan daripada Amerika Syarikat
	B	Menjalinkan hubungan dengan negara Asia
	C	Melaksanakan dasar peluasan kuasa
	D	Mengimport bahan mentah

34		Amerka Syarikat melancarkan sekatan ekonomi dengan menghalang eksport getah, minyak, minyak dan bijih timah ke .
		Apakah kesan langsung daripada tindakan Amerika Syarikat di atas m/s 4
	A	Jepun mengebom Pearl Harbour
	B	Jepun menyerang Tanah Melayu
	C	Jepun menakluki Manchuria
	D	Jepun menyertai pakatan aksis
35		Repulse Prince of Wales
		Kedua – dua buah kapal perang British di atas berjaya ditenggelamkan oleh Jepun di perairan Kuantan. Apakah kesan langsung daripada peristiwa di atas. m/s 7
	A	Bermulanya Perang Dunia Ke-2
	B	Pertahanan British menjadi lumpuh
	C	British menyerah kalah kepada Jepun
	D	Jepun berjaya menguasai Singapura
36		Tentera Jepun telah menyatukan Tanah Melayu dengan Sumatra tetapi mengasingkan semula menjelang April 1943
		Tentera Jepun mengambil tindakan sedemikian kerana menghadapi masalah m/s 15 – 16
	A	pentadbiran
	B	kewangan
	C	pertahanan
	D	perdagangan
37		Beberapa langkah telah dilakukan oleh Jepun untuk melaksanakan Dasar Penjepunannya. Apakah langkah-langkah tersebut? m/s 18
	I	Menghapuskan segala bentuk pendidikan Barat
	II	Masyarakat tempatan diajar tentang bahasa dan budaya Jepun
	III	Sekolah Cina tidak boleh dibuka langsung
	IV	Minggu Bahasa Jepun diadakan di bandar-bandar
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV

	D	II, III dan IV
38		<ul style="list-style-type: none"> Menghapuskan semua bentuk pengaruh Barat Mengharamkan penggunaan Bahasa
		Pada pendapat anda mengapakah pihak Jepun bersikap sedemikian? m/s 20
	A	Menjayakan dasar penjepunan
	B	Memperkenalkan sistem pendidikan Jepun
	C	Menggalakkan penyertaan ke sekolah teknikal
	D	Membangkitkan semangat kebangsaan dikalangan penduduk Tanah Melayu
1.2 Kesan Pemerintahan tentera Jepun		
39		Pihak Jepun menubuhkan Koa Kunrenjo kepada penduduk tempatan. Tujuan penubuhannya ialah ... Ms30
	A	Menjimatkan kos pentadbiran
	B	Memberi latihan perniagaan
	C	Menjadi pengintip kepada Jepun
	D	Melatih orang Melayu dalam pentadbiran
40		Pendudukan Jepun di Tanah Melayu telah memberikan kesedaran kepada orang Melayu supaya tidak mudah mempercayai penjajah. Peribahasa yang sesuai ialah ... m/s 32
	A	Harapkan pagar, pagar makan padi
	B	Telunjuk lurus kelingking berkait
	C	Biar putih tulang, jangan putih mata
	D	Sudah jatuh ditimpa tangga.
41		Ekonomi tanah Melayu semasa pendudukan Jepun ialah m/s 33
	A	ekonomi bebas
	B	ekonomi kawalan
	C	ekonomi komersial
	D	ekonomi berpusat
42		Apakah pengalaman yang ditempuh penduduk Tanah Melayu di bawah pemerintahan Jepun? m/s 36-38
	I	Kegigihan dan ketabahan
	II	Kadar inflasi yang tinggi
	III	Catuan ke atas pembelian beras
	IV	Persaingan perdagangan antarabangsa
	A	I, II dan III
	B	I, II dan IV
	C	I, III dan IV

	D	II, III dan IV
43	Pilih pernyataan yang benar tentang kesan pemerintahan Jepun di tanah Melayu m/s 29-38	
	I	Kesengsaraan hidup
	II	Kemerosotan ekonomi
	III	Pencapaian kemerdekaan
	IV	Perluasan pengaruh komunis
	A	i, ii dan iii
	B	i, ii dan iv
	C	i, iii dan iv
	D	ii, iii dan iv
44	Jepun menggunakan akhbar ini untuk menyebarkan propagandanya di Indonesia dan Tanah Melayu. m/s 29	
	A	A. Fajar Asia
	B	B. Warta Negara
	C	C. Fajar Sarawak
	D	D. Utusan Melayu
45	Pendudukan Jepun berlangsung selama tiga tahun setengah telah menyemarakkan semangat kebangsaan orang Melayu. Pilih bukti yang menyokong pernyataan tersebut. m/s 29-32	
	I	Gerakan anti-Jepun
	II	Kekalahan British kepada Jepun
	III	Slogan Jepun "Asia untuk Orang Asia"
	IV	Penyerahan kalah Jepun tanpa syarat
	A	i, ii dan iii
	B	i, ii dan iv
	C	i, iii dan iv
	D	ii, iii dan iv
46	<p>Jeneral Itagi menyerahkan pedang kepada British pada 12 September 1945 menandakan tamatnya penjajahan Jepun</p> <p>Apakah kesan-kesan pendudukan Jepun di negara kita? m/s 29-32</p> <p>I Kita perlu yakin untuk mentadbir tanah air kita sendiri</p> <p>II Kita tidak boleh mengharapkan kuasa lain mempertahankan tanah air</p> <p>III Kita perlu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan rakyat.</p>	

	IV	Penderitaan penjajahan Jepun melahirkan masyarakat berdikari dan mementingkan kemerdekaan
	A	i, ii dan iii
	B	i, ii dan iv
	C	i, iii dan iv
	D	ii, iii dan iv
47	Apakah kesan daripada tindakan di atas? m/s 33-35	
	A	Penyeludupan beras berleluasa dan ramai ditangkap
	B	Petani mengambil inisiatif untuk menanam padi sendiri
	C	Kehidupan petani menjadi miskin kerana tidak dapat menjual beras
	D	Kekurangan makanan menyebabkan penduduk menghadapi masalah kesihatan.
48	Jepun telah memperkenalkan ekonomi kawalan di Tanah Melayu. Antara yang berikut, apakah kesan ekonomi kawalan terhadap penduduk tempatan? m/s 33-35	
	I	Berlaku inflasi
	II	Harga barangan harian melambung tinggi
	III	Ekonomi meningkat
	IV	Pendapatan lumayan
	A	I dan II
	B	II dan III
	C	III dan IV
	D	I dan IV
49	<ul style="list-style-type: none"> Memperkenalkan padi Taiwan Kawasan tanaman getah digantikan 	
	Maklumat di atas merujuk kepada usaha Jepun untuk m/s 33-35	
	A	menyelesaikan masalah kekurangan makanan di Tanah Melayu
	B	mengurangkan kadar inflasi
	C	memulihkan keadaan ekonomi yang hampir lumpuh
	D	mengkomersialkan tanaman tradisional
50	Pendudukan Jepun di Tanah Melayu meninggalkan kesan yang positif ke atas penduduk negara ini. Antaranya ialah m/s 32	
	A	Tanah Melayu mencapai kemerdekaan

	B	penduduk Tanah Melayu tidak percaya kepada kuasa Barat
	C	melahirkan semangat nasionalisme dikalangan penduduk Tanah Melayu
	D	ramai penduduk Tanah Melayu celik huruf dan mempunyai kemahiran
51		PETA ditubuhkan oleh Jepun semasa pemerintahannya untuk m/s 30
	A	melatih pemimpin tempatan mentadbir
	B	menggalakan penglibatan orang Melayu dalam politik
	C	melatih sukarelawan melawan British
	D	menjayakan dasar penjepunan
52		Berikut adalah keadaan yang berlaku semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu kecuali m/s 22-38
	A	Jepun menghalang pergerakan yang berbentuk politik
	B	Perpaduan dan kerjasama kaum digalakkan oleh Jepun
	C	Pengeluaran wang Jepun yang tidak terkawal
	D	Kemerosotan taraf kesihatan membawa wabak penyakit
53		Wang pokok pisang telah diperkenalkan, berlaku catuan pembelian beras dan kadar inflasi tinggi semasa pendudukan Jepun di Tanah Melayu. Gambaran keadaan yang wujud di Tanah Melayu akibat daripada m/s 33-35
	A	Pemerintahan kejam daripada MPAJA
	B	Zaman darurat berlaku di Tanah Melayu
	C	Pemerintahan tentera Jepun semasa Perang Dunia Kedua
	D	Pentadbiran tentera british di Tanah Melayu
54		Soalan 54 berdasarkan senarai di bawah
		<div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <p>Ubi kayu</p> <p>Duit pokok pisang</p> </div>
		Pernyataan di atas merujuk kepada kehidupan penduduk Tanah Melayu pada zaman m/s 33 – 38
	A	pemerintahan Brook
	B	penjajahan Jepun
	C	penjajahan British
	D	konfrontasi

55		Soalan 55 berdasarkan pernyataan di bawah
		<div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <p>Pasukan polis tentera “Kempeitai” telah ditubuhkan oleh Jepun untuk menjaga kepentingan Jepun dan diletakkan di bawah</p> </div>
		Apakah tujuan utama penubuhan pasukan polis tentera Kempeitai ini? m/s 36
	A	Melicinkan lagi soal pentadbiran negeri
	B	Mengintip kegiatan anti- Jepun di kalangan rakyat
	C	Memberikan latihan ketenteraan kepada orang Melayu
	D	Menghapuskan saki baki tentera British dan pengikutnya
56		Soalan 56 berdasarkan senarai di bawah
		<div style="border: 1px solid black; padding: 10px; margin: 10px 0;"> <ul style="list-style-type: none"> Gobek untuk mendapatkan api Garam daripada air laut Gula dibuat daripada nira kelapa </div>
		Senarai di atas menunjukkan bahawa m/s 33
	A	orang tempatan tidak mahu perubahan dan kemajuan
	B	orang tempatan gigih berikhtiar menempuh kesukaran
	C	orang tempatan sangat kreatif merekapipta bahan baru
	D	orang tempatan tidak pandai berdikari dan berusaha
57		Apakah tujuan penubuhan Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung (KRIS)? m/s 31 – 32
	I	Menentang tentera British
	II	Membina perpaduan Melayu
	III	Membentuk Indonesia Raya
	IV	Menghapuskan tali barut British
	A	I dan II
	B	II dan III
	C	III dan IV
	D	I dan IV
58		Jepun telah membentuk sebuah pertubuhan ketenteraan yang dikenali sebagai Pembela Tanah Air (PETA). Tujuan penubuhan PETA ialah m/s 30

	A	membantu penduduk memajukan kegiatan pertanian
	B	melatih sukarelawan menentang British
	C	menyeru orang Melayu aktif dalam politik
	D	mendesak penduduk tempatan memulau barangan Barat
59		Pendudukan Jepun di negara kita telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada penduduk tempatan. Anantara kesannya ialah m/s 29 – 38
	A	sistem pendidikan diselaraskan
	B	berkembangnya semangat nasionalisma
	C	kemudahan asas diperbaiki
	D	Tanah Melayu semakin maju
60		Penduduk Tanah Melayu dijadikan buruh paksa bagi membina Jalan Kereta Api Maut. Buruh paksa tersebut dihantar ke m/s 36
	A	Korea
	B	Manchuria
	C	Jepun
	D	Sempadan Thailand-Burma

Jawapan

No	Jaw	M/S	No	Jaw	m/s	No	Jaw	m/s
1	D	4	21	A	16	41	B	33
2	D	5	22	D	3	42	A	36
3	B	5	23	B	4	43	B	29
4	B	4	24	C	27	44	A	29
5	C	10	25	D	8	45	A	29
6	A	15	26	D	5	46	B	32
7	D	20	27	A	13	47	A	33
8	D	20	28	C	7	48	A	33
9	B	20	29	D	17	49	A	33
10	C	22	30	B	10	50	B	32
11	D	23	31	D	25	51	C	30
12	C	4	32	A	16	52	B	22
13	A	5	33	C	4	53	C	33
14	A	25	34	B	4	54	B	33
15	B	13	35	B	7	55	A	30
16	A	18	36	A	15	56	C	33
17	C	13	37	A	18	57	B	31
18	C	18	38	A	20	58	B	30
19	A	22	39	D	30	59	B	29
20	A	22	40	B	32	60	D	36